

14 DEC 1999

AZIZ SAMSUDDIN ANGKAT SUMPAAH APABILA SEMBUH

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Samsuddin akan mengangkat sumpah jawatan dan taat setia serta sumpah menyimpan rahsia apabila beliau sembuh daripada kecederaan yang dialami akibat kemalangan jalan raya Sabtu lepas.

Seorang pegawai Istana Negara berkata majlis angkat sumpah oleh Abdul Aziz di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah akan diadakan apabila kesihatannya pulih.

Abdul Aziz tidak hadir pada istiadat pengurniaan suratcara pelantikan dan istiadat mengangkat sumpah jawatan dan taat setia yang diadakan hari ini di hadapan Sultan Salahuddin di Balairong Seri Istana Negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai barisan kabinet dan timbalan-timbalan menteri mengangkat sumpah pada istiadat itu.

Abdul Aziz yang dalam keadaan stabil masih menjalani rawatan di Pusat Perubatan Subang Jaya, di sini berikutan kecederaan yang dialami dalam kemalangan di km 433 Lebuhraya Utara-Selatan, dekat Rawang.

Dalam kemalangan itu, isterinya Datin Asmah Ali Hussain terbunuh dan anak lelaki mereka Nafrizal, 27, cedera.

-- BERNAMA

ARA HS MAI